

KPDNHEP terima aduan lebih 3,000 kes penipuan dalam talian

Mei 8, 2020 Ditulis oleh Media Baharu



LUMUT, 8 Mei - Tidak menerima barang atau perkhidmatan yang ditawarkan.

Ini antara aduan diterima Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) berkaitan pembelian secara dalam talian.

Menurut Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Alexander Nanta Linggi, sejak 1 Januari lalu hingga semalam kira-kira 3,776 aduan direkodkan.

Kebanyakan aduan diterima ketika Perintah Kawalan Pergerakan tahap pertama dilaksanakan Mac lalu.

Namun, peratusan tersebut menurun selepas masuk PKP tahap 2 dan 3.

Setakat ini, 79 kompaun telah dikeluarkan berkaitan pelbagai kes pembelian dalam talian.

<https://berita.rtm.gov.my/index.php/nasional/18177-kpdnhep-terima-aduan-lebih-3-000-kes-penipuan-dalam-talian>